

Buletin



Bilangan : 1 // 2015



Kandungan

| | | | |
|-------|---|-------|---|
| 1 - 2 | Kunjungan Hormat Kementerian Pertanian Dan Industri Sabah | 7 | Perlumbaan Jalanraya Basikal Peringkat Agensi 2014 |
| 3 | Ekspo Halal Antarabangsa Pulau Pinang ke-6 (PIHEC) 2015 | 8 - 9 | Program Lawatan Pembelajaran Pekebun Baru ke Kawasan Penanaman Lada |
| 3 | Taklimat Keselamatan Pekerjaan & HACCP | 10-11 | Anugerah IPC 2014 (Encik Suboh Ak. Bakak) |
| 4 | Majlis Ramah tamah Krismas 2014 & sambutan Tahun baru 2015 | 11 | Persidangan " 2nd qPCR & Digital PCR " - London, England |
| 5 | KTPL & Program Tanaman Baru Komoditi lada (one-off) 2014 | 12 | Kakitangan bersara |
| 5 | Bengkel Manual HACCP & Manual PRP MPB | 12 | Isu-isu MBJ |
| 6 | Perlawanan Futsal Persahabatan MPB (Sarikei) VS JPJ (Sarikei) | | |
| 6 | Sukan Rakyat / Por Sosek MALINDO & Malam Muhibbah Ke-IX | | |

Kunjungan ini juga susulan daripada kunjungan hormat Pengurus MPB, YB Dato' Henry Sum Agong ke pejabat Timbalan Ketua Menteri Sabah Merangkap Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, YB Datuk Seri Panglima Yahya Haji Hussin pada 17 Oktober 2014. Objektif utama adalah bagi membincangkan lebih lanjut peluang kerjasama di antara Kerajaan Negeri Sabah dengan Lembaga Lada Malaysia dalam merancakkan lagi aktiviti penanaman lada di negeri Sabah. Kerjasama dan usahasama di antara Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah dengan MPB amatlah penting bagi memacu pendapatan rakyat melalui pertanian sesuai dengan agenda halatuju Negeri Sabah di mana sektor pertanian menjadi salah satu daripada tiga sektor utama penjana ekonomi negeri Sabah.



Antara usahasama yang dibincangkan adalah kerjasama dengan Jabatan Pertanian Sabah untuk program-program penanaman lada, penganjuran kursus/dialog/taklimat bagi mengenalpasti dan menarik minat pekebun-pekebun baru, membangunkan plot tanaman lada di Pusat Latihan Pertanian Bersepadu (IATC) Penampang dan membangunkan plot demonstrasi di Stesen Penyelidikan seperti di Tuaran. Selain itu, MPB memohon mendapatkan sokongan daripada Kerajaan Negeri Sabah untuk menjadikan tanaman lada sebagai salah satu silibus dalam program latihan yang dikendalikan oleh Institut Latihan Pertanian, Pusat Latihan Untuk Pekebun (Farmer Training Centre) dan Pusat Latihan Pertanian Bersepadu (Integrated Agriculture Training Centre) serta mendapatkan sebidang tanah untuk menubuhkan pusat pembangunan di Sabah.

Pada hari yang sama, YB. Datuk Haji Sairin turut merasmikan penutupan Kursus Teknologi Lada bagi 40 orang peserta kursus dari Sabah yang diadakan di Hotel four Points, Kuching. Dalam ucapannya, beliau turut menggesa supaya para pekebun kecil yang menyertai kursus berkenaan dapat mencetuskan contoh kepada pekebun kecil yang lain. Justeru, para pekebun disarankan untuk membangunkan tanah-tanah mereka yang sedia ada secara sepenuhnya. Tambahan pula, tanaman lada boleh diintegrasikan dengan beberapa tanaman jangka pendek yang lain seperti halia terutamanya pada peringkat usia awal penanaman lada dan ini adalah satu potensi yang amat baik kepada penjanaan sumber pendapatan para pekebun.

Kunjungan ke MPB pada kali ini mendapat maklumbalas yang amat positif daripada Kerajaan Negeri Sabah. YB. Datuk Haji Sairin memberitahu bahawa usaha MPB untuk memperkenal dan mengembangkan komoditi lada ke Negeri Sabah adalah tepat pada waktunya kerana Kerajaan Sabah sedang memikirkan tanaman yang sesuai yang boleh menjana pendapatan para petani di Sabah terutamanya bagi tujuan pembasmian kemiskinan (poverty eradication) di kawasan-kawasan tertentu dan di pedalaman Sabah. Halatuju industri lada Sabah menyasarkan kawasan tanaman lada di Sabah dijangka meningkat kepada 176 hektar menjelang tahun 2020. Turut hadir, YBhg. Tuan Haji Jumahat Intang, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Encik Idrus Shafie, Pengarah Pertanian Sabah dan Encik Liaw Sing Kuan, Setiausaha Akhbar, Pejabat Timbalan Ketua Menteri Sabah.

Sidang Redaksi Buletin 2015-2015

PENAUNG
YBhg. Dato Grunsin Ayom
Ketua Pengarah

PENASIHAT
Encik Othman b. Sajili
Pengarah Kanan
Bhgn. Perancangan Strategik

Ahli Jawatankuasa Buletin MPB

Pengerusi
Encik Vincent Sawat

Editor
Encik Nelson Fu

Urus Setia
Encik Junior Jang

Pengarang

Puan Kho Pei Ee
Encik Gura Langgong
Puan Valarie Loly
Puan Hasnizawati bt. Yusop
Encik Dusil ak Madui
Cik Laura Marida
Encik Edbin Salin
Encik Jong Chian Lai
Encik Raymond ak Malek
Encik Paul Robin ak Sibong

Pembantu Pengarang

Encik Nelson Jakri ak Awo - Sarikei
Encik Augustine Hack Abol - Johor
Encik Don Houchen ak William - Serian
Encik Hazman b. Wahab - Sri Aman
Encik Heleary ak Bakit - Sibu
Encik Semon Liah Asun - Betong
Cik Wee Lee Lee - Bintangor
Encik Kennedy ak Andeng - Miri
Encik Rawlin Ringgit - Belaga
Encik Charles Willy ak Jaro - Bintulu
Encik Spancer Sandai ak Changgie - Sabah

KE ARAH EKO-SISTEM HALAL YANG KOMPREHENSIF DAN GLOBAL DI PERSIDANGAN DAN EKSPO HALAL ANTARABANGSA PULAU PINANG KE-6 (PIHEC) 2015

Oleh: Edbin Salin

“Selamat Pagi Cikgu!” ungkapan berirama rancangan animasi yang signifikan seringkali ditayangkan di siaran televisyen; Upin dan Ipin, karakter yang berjaya menarik perhatian para pengunjung di “Persidangan dan Ekspo Halal Antarabangsa Pulau Pinang Ke-6 (PIHEC) 2015”. Acara perasmian PIHEC 2015 telah disempurnakan pada 30 Januari 2015 oleh YB Dato’ Haji Abdul Malik Kassim, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Pulau Pinang.

Gah dengan pelbagai aktiviti yang diadakan, PIHEC 2015 telah berjaya dianjurkan di Setia Spice, Pulau Pinang dari 30 Januari sehingga 1 Februari 2015 dimana pelbagai acara menarik seperti “World Curry Theatre”, “World Street Food”, “Halal Chef Challenge”, Seminar Keusahawanan Halal dan Persidangan Halal Antarabangsa. Lembaga Lada Malaysia (MPB) juga tidak melepaskan peluang menyertai pameran PIHEC 2015 dimana turut menjemput bersama empat syarikat PKS mempromosi dan mengetengahkan produk keluaran syarikat masing-masing.

Selain itu, pihak UCSI Sarawak juga dijemput untuk turut serta yang mana mereka telah mengambil bahagian dalam pertandingan masakan dengan menggunakan lada sebagai penambah perisa masakan selain turut membuat demonstrasi masakan berasaskan lada untuk hidangan ujirasa para pengunjung program.

PIHEC 2015 telah menjadi landasan untuk membangunkan produk dan perkhidmatan Halal tempatan di samping membantu usahawan kecil memperkembangkan perniagaan halal iaitu sebagai platform strategik bagi menembusi pasaran dalam negeri dan antarabangsa. PIHEC 2015 juga bertujuan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Pusat Halal Global bercirikan Eko-Sistem Halal yang komprehensif.

MPB telah menggunakan peluang ini untuk mempromosikan penggunaan lada di peringkat domestik selain menjadi serampang dua mata dalam memperkembangkan pengetahuan mengenai potensi lada dalam masakan dan meningkatkan ekonomi negara.



Salah seorang peserta “Halal Chef Challenge”



Pengunjung menguji rasa makanan berasaskan lada



Lawatan maskot Ipin ke sektor lada

TAKLIMAT KESELAMATAN PEKERJAAN & HACCP

Oleh: Paul RS

Satu taklimat Keselamatan Pekerjaan & HACCP telah dianjurkan oleh Cawangan Kejuruteraan pada 22 Januari 2015 bertempat di PENLada yang telah disampaikan oleh Encik Soter Joog dan Encik Victor Kano.

Objektif taklimat tersebut adalah untuk memberikan kesedaran kepada pekerja mengenai kepentingan keselamatan di tempat kerja bagi memastikan setiap pekerja bekerja di dalam keadaan selamat dan sihat bagi jangka masa pendek ataupun panjang. Selain itu, taklimat ini merupakan satu keperluan bagi menjalankan program HACCP serta juga keperluan bagi memastikan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dipatuhi.



Dengan adanya taklimat seperti ini, para pekerja akan lebih berwaspada ketika melakukan tugas-tugas harian dan sentiasa memahami serta mengingati akan tanggungjawab yang harus dilaksanakan.

Pada 19 Januari 2015, Kelab Sukan dan Sosial Lembaga Lada Malaysia (KESUDA) telah mengadakan Majlis Ramah Tamah Krismas 2014 & Sambutan Tahun Baru 2015 bertempat di Banquet Hall, Hotel Penview Kuching.

Hari Krismas juga dikenali sebagai Hari Natal merupakan perayaan yang diraikan oleh umat Kristian di seluruh dunia bagi menandakan hari kelahiran Jesus Kristus pada 25hb Disember setiap tahun.

Majlis Ramah Tamah ini bertujuan untuk merapatkan perhubungan dan silaturahim di antara pihak pengurusan dan semua kakitangan, malah ia boleh dijadikan sebagai medan interaksi dan komunikasi untuk merapatkan jurang di antara kakitangan yang terdiri daripada pelbagai kaum bagi merealisasikan konsep 1 Malaysia.

Majlis Ramah Tamah bermula pada jam 12.00 tengah hari iaitu sejurus selepas selesainya perhimpunan Bulanan MPB Bil. 1/2015 dan berakhir tepat pada jam 1.30 petang.

Majlis penganjuran ramah tamah kali ini adalah dalam keadaan sederhana sempena menperingati malapetaka banjir pantai timur serta beberapa tragedi yang menimpa negara kita.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi KESUDA Cik Catherine Umbit, kemudiannya disusuli dengan upacara perasmian majlis yang disempurnakan oleh YBhg. Dato Grunsin Ayom, Ketua Pengarah Lemba-ga Lada Malaysia dengan upacara membunyikan loceng Krismas sebagai simbolik Perayaan Krismas.

Majlis turut diteruskan dengan upacara pemotongan kek oleh Ketua Pengarah MPB dan diiringi oleh pengarah-pengarah kanan yang lain.

Jamuan majlis tersebut dimeriahkan lagi dengan acara selingan persembahan kumpulan Koir "Christmas Carol" MPB dengan mempersembahkan empat buah lagu Krismas yang merdu. Acara kemuncak majlis yang khas dipersembahkan oleh AJK KESUDA adalah kehadiran "Santa Claus" dan "Santarina" yang mengedarkan hadiah-hadiah kepada kakitangan turut menambahkan keceriaan majlis.

Majlis Ramah Tamah Krismas 2014 & Sambutan Tahun Baru 2015 tersebut telah diadakan atas kerjasama daripada semua pihak terutamanya dari AJK KESUDA yang telah berganding bahu untuk menjayakan majlis tersebut.

Majlis-majlis seumpama ini akan dianjurkan pada masa akan datang untuk mengeratkan kemesraan dan hubungan harmoni di kalangan warga kerja MPB secara umumnya serta ahli-ahli KESUDA secara khasnya.

MAJLIS RAMAH TAMAH KRISMAS 2014 & SAMBUTAN TAHUN BARU 2015

Oleh:
Puan Kho Pei Ee
Encik Melvin Alexander



AJK Kesuda dengan karya kreativiti mereka



Kata-Kata Aluan oleh Ketua Pengarah dan Pengerusi Kesuda



Upacara memotong kek majlis



Persembahan kumpulan "Christmas Carol"



Jamuan Makan dan "Photo Opportunity"

KURSUS ASAS PENANAMAN LADA (KAPL) PROGRAM TANAMAN BARU KOMODITI LADA (ONE-OFF) TAHUN 2014



43 orang peserta di Rh. Jawang, Bukit Seri, Entabai

Terdapat dua Kursus Asas Penanaman Lada (KAPL) telah diadakan pada 29 & 30 Januari 2015 di bawah anjuran Lembaga Lada Malaysia, Cawangan Bintangor untuk penerima bantuan Program Tanaman Baru Komoditi Lada(One-Off) Tahun 2014. Kursus tersebut diadakan di Rh. Jawang, Bukit Seri, Entabai pada 29 Januari 2015 dan di Rh. Assin, Batu 13, Jalan Engkamop, Julau pada 30 Januari 2015. Seramai 43 orang peserta hadir di Rh. Jawang, Bukit Seri, Entabai manakala 33 orang peserta hadir di Rh. Assin, Batu 13, Jalan Engkamop, Julau pada hari tersebut.



33 orang peserta dari Rh. Assin, Julau

Kursus KAPL dimulakan dengan kata-kata aluan oleh Tuai Rumah berkenaan. Kerjasama penuh oleh Tuai Rumah dan penghulu-penghulu rumah panjang telah memberi sokongan dalam menjayakan kursus tersebut. Sesi dimulakan dengan ceramah mengenai Asas Penanaman dan Penyelenggaraan Kebun Lada. Peserta-peserta kursus mendengar ceramah dengan penuh perhatian. Selepas itu, sesi dialog diadakan iaitu peserta kursus mengemukakan persoalan dan dijawab oleh pegawai dari Lembaga Lada Malaysia, Cawangan Bintangor iaitu Encik Juing Mangan dan Encik Joannes Lawrence. Kursus KAPL diakhiri dengan ucapan penghargaan dan terima kasih oleh pegawai MPB atas kerjasama dari semua pihak yang terlibat untuk menjayakan kursus pada hari tersebut.

BENGKEL MANUAL HACCP DAN MANUAL PRP MPB

Oleh: Paul RS

Pada 4 - 7 November 2014 yang lalu telah diadakan bengkel Pemantapan Manual Hazard Analysis & Critical Control Points (HACCP) dan Pre-Requisite Programme (PRP) Lembaga Lada Malaysia yang bertempat di Union Yes Retreat & Training Centre, Lundu. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh Penyelaras Pasukan HACCP, Encik Larry Sait Muling, pegawai-pegawai kanan, ahli-ahli pasukan HACCP dan pegawai-pegawai MPB.



Tujuan bengkel diadakan adalah untuk mengkaji semula Manual HACCP dan PRP MPB dan seterusnya menambah baik manual tersebut selaras dengan pelaksanaannya dan juga pematuhan terhadap kehendak-kehendak dalam keselamatan makanan. Kerja berpasukan dan komitmen tinggi yang telah ditunjukkan semasa bengkel telah menyubangkan banyak idea yang bernas dan jitu di dalam menyediakan manual HACCP yang lebih mantap. MPB telah memperolehi akreditasi pensijilan HACCP ini pada 18 Oktober 2010. Sejak dari itu, pelbagai penambahanbaikan dan juga usaha berkaitan dengan HACCP telah dilaksanakan untuk mengekalkan pensijilan tersebut.

Sebagai langkah selanjutnya, adalah menjadi harapan agar Loji Rawatan Haba Stim MPB Sibu akan memperolehi akreditasi yang sama di masa akan datang. Bagi tujuan ini, perancangan awal telah dilakukan agar ianya dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar. HACCP merupakan pensijilan yang amat berharga kepada MPB dalam menjaga kualiti keselamatan produk lada berdasarkan makanan. Ini sekaligus dapat menaikkan nama MPB dalam pengeluaran produk lada berjenama Mikrokleen di pasaran tempatan dan luar negara.

PERLAWANAN FUTSAL PERSAHABATAN ANTARA MPB SARIKEI DAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) SARIKEI

Satu perlawanan persahabatan futsal di antara MPB Sarikei dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Sarikei telah diadakan di Gelanggang Futsal KPSU pada 3 Februari lalu. Perlawanan yang bermula pada pukul 7.00 petang ini menyaksikan setiap pasukan menghantar sembilan orang pemain.

Perlawanan persahabatan ini diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan di antara MPB Sarikei dengan agensi-agensi kerajaan di daerah Sarikei.

Selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk penjawat awam mengamalkan gaya hidup sihat melalui sukan. Perlawanan yang tamat pada pukul 8.00 malam berkesudahan dengan keputusan seri dengan setiap pasukan menjaringkan 5 gol.



Kedua-dua pasukan bergambar sebelum perlawanan dimulakan.

SUKAN RAKYAT / POR SOSEK MALINDO DAN MALAM TITIAN MUHIBBAH KE - IX PERINGKAT PERBATASAN TEBEDU/ENTIKONG 2014

Sukan Rakyat/Por Sosek MALINDO dan Malam Titian Muhibah ke – IX peringkat perbatasan Tebedu/Entikong 2014 telah diadakan pada 1- 2 November 2014 bertempat di perkarangan Dewan Masyarakat Tebedu bertujuan bagi merapatkan hubungan penduduk yang tinggal di sempadan antarabangsa Malaysia – Indonesia.



Program yang dianjurkan bersama oleh Pejabat Daerah Kecil Tebedu dan Pejabat Residen Samarahan telah dihadiri oleh YB Dato' Sri Michael Manyin ak Jawong, Menteri Pembangunan Infrastruktur & Perhubungan Sarawak.

Dalam ucapan perasmian beliau berkata program membabitkan kedua-dua negara di kawasan sempadan seumpama ini bukan sahaja dapat merapatkan hubungan antara mereka malah memastikan keselamatan di kawasan sempadan sentiasa terjamin selain menjadikan ia sebagai salah satu aktiviti tahunan dalam kalender pelancongan Bahagian Samarahan.



Kumpulan kebudayaan dari Indonesia



Ucapan perasmian Malam Titian Muhibbah



Persembahan kebudayaan dari Malaysia

Sukan Rakyat/Por Sosek MALINDO dan Malam Titian Muhibah ke – IX 2014 merangkumi kegiatan sukan seperti pertandingan bola sepak, bola tampar dan sukaneka serta persembahan pentas rakyat pada sebelah malamnya dengan tema titian muhibbah.

Melalui program seumpamanya, baik sukan atau kebudayaan maka hubungan di kalangan penduduk akan menjadi lebih baik selain dapat merapatkan lagi hubungan penduduk serta taraf ekonomi dua negara yang dipisahkan hanya dengan sempadan antarabangsa ini.

Hampir semua agensi kerajaan dan swasta telah dijemput hadir ke majlis tersebut dan Lembaga Lada Malaysia Cawangan Serian tidak ketinggalan.

PERLUMBAAN JALANRAYA BASIKAL PERINGKAT AGENSI (SARAWAK HEALTH ROAD CHALLENGE 2014)



Pemberian baju perlumba oleh Encik Zambri Dollah



Posing dahulu sebelum bermula



Aksi Encik Sukor @ Abg Kep



Aksi Encik Norseman @ Wak Jamai



Ketika sampai ke garisan penamat

| INTER AGENCY (4 RIDERS/TEAM) | | |
|------------------------------|---------------|---------------------------------|
| NO | TIME (MINUTE) | TEAM |
| 1 | 23:36.97 | UNIMAS |
| 2 | 23:37.74 | JPJ SARAWAK |
| 3 | 23:47.75 | DBKU (CITY CYCLING CLUB) |
| 4 | 23:52.57 | BATALION 11 PGA CYCLING TEAM |
| 5 | 23:53.88 | JKN SARAWAK I |
| 6 | 24:06.09 | JKN KELANTAN |
| 7 | 24:35.16 | JKN TERENGGANU |
| 8 | 25:55.10 | SARAWAK ENERGY |
| 9 | 27:27.69 | JKN SABAH |
| 10 | 29:06.21 | PDRM (SANTUBONG CYCLING CLUB) |
| 11 | 30:40.39 | LEMBAGA LADA MALAYSIA |
| 12 | 31:13.70 | JKN SARAWAK II |
| 13 | 31:52.47 | LHDN (IRB KUCHING CYCLIST TEAM) |

Pertandingan perlumbaan jalanraya basikal ‘Sarawak Health Road Challenge 2014’ anjuran Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak ini telah diadakan pada 21-23 November 2014. Ini merupakan julung-julung kalinya MPB menghantar pasukan dan menyertai pertandingan yang berprestij ini.

Pasukan Berbasikal MPB dianggotai oleh Encik Roswandi bin Hj. Sulaiman selaku Pengurus Pasukan dan Encik Norseman Sharkawi sebagai jurulatih dan Encik Hady Sharizal, Encik Shahrizan Azman, Encik Sukor Edi dan Encik Zaimi Bohari sebagai peserta.

Terdapat 13 agensi kerajaan yang bertanding dalam Kategori Peringkat Jabatan & Agensi dan di antaranya adalah PDRM, PGA, DBKU, JPJ, LHDN, Sarawak Energy, UNIMAS, JKN (5 pasukan) dan MPB.

Laluan perlumbaan bermula di Jambatan Sg. Bodo sehingga ke perkarangan pejabat Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak di Jalan Diplomatik Off Jalan Bako iaitu sejauh kira-kira 15km. Setiap pasukan diminta menghantar 4 orang pelumba di mana dua daripadanya diwajibkan peserta veteran (berumur 40 tahun ke atas). Pemenang dikira berdasarkan kepentasan masa 3 daripada 4 orang pelumba.

Pasukan MPB merupakan pasukan ‘underdog’ dan tidak dinafikan pasukan lain cukup kuat kerana sudah biasa menyertai pertandingan seumpama ini. Ketika perlumbaan bermula hujan turun renyai-renyai dan menyebabkan permukaan jalanraya agak licin. Tanpa disangka-sangka pasukan MPB berjaya mendapat tempat ke-11 daripada 13 pasukan dengan kepentasan masa 30 minit 40 saat. Tidak mustahil dengan latihan yang konsisten dan penyertaan yang banyak, pasukan MPB mungkin dapat memperbaiki keputusan yang lebih baik daripada ini.

Di sini kami ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada YBhg. Dato Grunsin Ayom, Ketua Pengarah MPB dan juga pihak Pengurusan MPB, Pengarah Kanan Bahagian Perdagangan dan Kejuruteraan MPB serta Pengerusi Kesuda kerana telah memberi sokongan penuh serta memberi sumbangan kepada pasukan berbasikal MPB dalam usaha memartabatkan aktiviti berbasikal di kalangan warga kerja MPB.

Kami turut menyeru agar ramai lagi warga kerja MPB menyertai pasukan ini terutamanya kepada kakitangan wanita kerana aktiviti ini adalah baik dari segi kesihatan dan kita juga akan mendapat bentuk tubuh badan yang menarik.

PROGRAM LAWATAN PEMBELAJARAN PEKEBUN

Seramai 58 Orang peserta yang terdiri daripada masyarakat Kayan dari Ulu Baram, Penan dari Lesong Laku, Dusun dari Sabah, Murut dari Lawas serta orang Asli dari Negeri Kelantan, Perak dan Selangor mengikuti aktiviti lawatan ke kebun lada.

Lokasi lawatan yang dipilih ialah Rumah Bebuli Nanga Masit Julau, Rumah Tawi anak Ansam Nanga Tebat Ulu Skrang Sri Aman dan Rumah Banyang Melabu Bair Ulu Layar Betong.

Lawatan ini bertujuan untuk mendedah dan mempromosi tanaman lada kepada masyarakat yang belum mengenal pokok lada. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi pilihan kepada masyarakat tersebut untuk mempelbagaikan sumber pendapatan mereka terutama bagi masyarakat yang berada jauh di kawasan pedalaman. Justeru itu, lokasi dipilih adalah sesuai dengan situsi para peserta yang terlibat.



Lada putih dihasilkan melalui proses rendaman selama 10-15 hari di dalam air mengalir. Para peserta diajar cara menghasilkan lada putih.



Para peserta ditunjukkan cara membuat bakut oleh Mantan Tuai Rumah En. Jepun Anak Lamit.



"Lada merupakan komoditi yang sesuai ditanam di kawasan pedalaman memandangkan ia tidak memerlukan pekebun memasarkan hasil dengan kadar segera" menurut intipati ucapan perasmian oleh Ybhg. Dato Grunsin Ayom, Ketua Pengarah Lembaga Lada Malaysia.



Para peserta bersama dengan PyK (GL) dan kakitangan MPB Bintangor.



Para peserta dengan penduduk rumah panjang Rumah Bebuli Nanga Masit dihadapan rumah panjang sebelum sesi latihan amali bermula.



Kongsi objektif aktiviti lawatan pembelajaran P(AWL) "tujuan aktiviti ini diadakan adalah untuk mendedahkan tanaman lada kepada masyarakat yang belum mengenali komoditi lada".



Lawatan peserta dari Rh. Ansam anak Tawi, Nanga Tebat, Skrang, Sri Aman ke pejabat dan kilang pemprosesan lada, Lembaga Lada Malaysia di Kuching.



Rombangan tiba di rumah panjang Nanga Tebat Skrang.

BARU KE KAWASAN PENANAMAN LADA

Oleh : Nicodemus Arin Jalai
Disemak oleh : Gura Langgong



Para peserta membuat sendiri cara menanam anak benih di ladang. Sebelum menanam bakut perlu disediakan dan ditabur sebanyak 1kg dolomite.



"Pokok lada ini merupakan kultivar Semongok Emas, sesuai untuk penghasilan lada putih" PemEE(BS) menunjukkan cara mengenali pokok lada melalui tangkai dan daun pokok lada.

Para peserta telah didedahkan dengan aspek pemilihan keratan lada, penanaman anak benih dan penuaan lada melalui kerja lapangan yang dikendalikan oleh kakitangan MPB yang bertindak sebagai fasilitator di tapak lawatan setempat. Melalui lawatan ini juga, para peserta melihat dan merasa sendiri kehidupan sebagai penanam lada dan tinggal di rumah panjang yang jauh di pedalaman.



Gambar kenangan peserta dengan fasilitator yang terdiri dari pada PyK (GL) dan PEEk (NAJ) dari PENLada dan PemEE (BS) dari MPB Sri Aman semasa latihan amali di kebun milik encik Suboh.



"PIHAK KERAJAAN MELALUI MPB SENTIASA MEMBANTU MASYARAKAT YANG BERMINAT MEMILIH KOMODITI LADA SEBAGAI SUMBER PENDAPATAN".

Ybhg. Dato Grunsin Ayom Ketua Pengarah, Lembaga Lada Malaysia



Pemilik kebun Puan Roseline Siti (baju dan topi putih) bergambar bersama para peserta dan kakitangan JAKOA.



"Pokok lada ini berusia lebih dari 1 tahun dan sudah dicantas pusingan pertama" PemEE(BS) menerangkan kepada peserta sambil diperhatian oleh PyK(GL).



Para peserta sedang menyediakan bakut berukuran 3 kaki lebar.



Gambar kenangan peserta lawatan bersama dengan kakitangan MPB dan penduduk rumah panjang

Aktiviti ini telah mendapat sokongan yang padu dari Ketua Pengarah Lembaga Lada Malaysia YBhg. Dato Grunsin Ayom. Penglibatan beliau semasa majlis penyampaian sijil menunjukkan komitmen beliau terhadap para peserta serta penduduk rumah panjang terlibat.

"MPB berterima kasih diatas kerjasama dari penduduk rumah panjang Melabu Bair menjayakan aktiviti ini. Kepada para peserta saya nasihatkan tanaman lada bukan tanaman 3T (tanam, tinggal dan tuai), sebaliknya perlu penjagaan rapi". Begitulah ucapan Ketua Pengarah MPB, Ybhg. Dato Grunsin Ayom semasa majlis penutupan siri lawatan ladang di Melabu Bair Betong.

Peserta wanita tunggal Cik Wan Salbiah selaku pegawai JAKOA menerima sijil penyertaan dari Ketua Pengarah MPB, Dato Grunsin Ayom.



Lawatan ini juga turut mendapat kerjasama padu dari kakitangan MPB di peringkat cawangan iaitu pejabat cawangan Bintangor, Sri Aman dan Betong yang merupakan tapak lokasi lawatan serta Miri, Belaga dan pejabat Wilayah Sabah dan Johor yang bertindak mengurus dan memilih peserta terlibat.

ANUGERAH IPC 2014

ENCIK SUBOH AK BAKAK

Acara pembukaan rasmi persidangan IPC pada 27 Oktober 2014 telah dilancarkan oleh Executive Director IPC Mr.W.D.L.Gunaratne.

Semasa pembukaan persidangan ini seorang pekebun negara Malaysia, Encik Suboh ak Bakak dari Kpg. Belawan Ulu Tebat Skrang telah menerima surat

anugerah IPC sebagai pekebun yang paling aktif mengusahakan tanaman lada di antara tujuh negara pengeluaran lada yang dipertandingkan di peringkat IPC.

Rombongan pekebun seramai 17 orang dari kawasan Ulu Skrang, Betong, Serian, Sibu, Simunjan, Bintulu dan Bintangor berasa bangga dengan pencapaian besar di peringkat antarbangsa Encik Suboh dan memberi inspirasi kepada mereka.

Pekebun-pekebun juga berpeluang mengikuti persidangan IPC. Mereka telah mengetahui negara-negara pengimport lada dengan jumlah permintaan volium lada setahun terutama negara China, Jepun dan negara Europah.



Rombongan peserta MPB bergambar beramai- ramai di halaman kebun Encik Ho Lam Van Tuan di Vun Tau Ba Ria Utara Vietnam.



Penerima Anugerah IPC ke-42 Encik Suboh ak Bakak



28/10/2014 10:09am

Peserta sedang mendengar penceramah membentangkan usul dan isu-isu berkaitan Industri lada dalam Persidangan IPC tersebut.



Peserta turut menimati hidangan airmadu lebah disebuah Industri Kecil Kampung Chuong Duong Mekong, Selatan Vietnam.

Di sebelah petang, para pekebun dibawa melawat ke tempat-tempat yang menarik di Bandar Ho Chi Minh seperti Pejabat Pos lama, Gereja Roman Katolik, Pusat Bandar Raya dan Bent Market. Peserta dibawa melawat ke tempat pembuatan industri kecil kampung di Chuong Duong, Mekong Vietnam. Peserta didedahkan cara-cara memperolehi pendapatan sampingan seperti rakyat Vietnam yang rajin mengusahakan industri kecil seperti membuat kueh tradisional dan kerepek, kain tenunan, menterenak lebah dan sebagainya.

Pada 30 Oktober 2014, semua delegasi dibawa turun padang untuk melawat kebun lada dengan menaiki bas yang disediakan oleh pihak pengelola MARD/VPA Vietnam. Kebun yang dilawat ialah di kawasan Ba Ria Vun Tau utara Vietnam. Kawasan ini merupakan pengeluaran lada utama dengan keluasan sebanyak 8,703 hekter serta pengeluaran 13,900 tan(2014). Pada kesempatan ini para peserta kita dapat menimba ilmu dan mempelajari dari segi penggunaan tiang sokongan hidup (kayu Kapas), baja organik, racun serangga (Trichoderma), rumput penutup bumi (Arachid Pinto) dan sebagainya. *Sambungan di muka sebelah*

ANUGERAH IPC 2014

Sambungan
ENCIK SUBOH AK BAKAK



Melawat kebun kedua milik Encik Nguyen Nhu Doan, Ba Ria.

Secara keseluruhan, program ke Persidangan International Pepper Community di Ho Chi Minh, Vietnam berjaya diadakan. Kesemua pegawai MPB dan peserta (pekebun) dapat menimba ilmu dan pengetahuan di negara lain. Semoga segala ilmu yang dipelajari dapat kita kongsikan bersama staf, pekebun, agensi lain dan juga sahabat andai kita. Bagi pihak pegawai pengiring saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Lembaga kerana memilih saya untuk diberi tanggung jawab sebagai pengiring pekebun ke peringkat antarabangsa.

PERSIDANGAN 2nd qPCR AND DIGITAL PCR LONDON, ENGLAND

Oleh: Khew Choy Yuen

Disunting oleh: Kho Pei Ee

Persidangan "2nd qPCR & Digital PCR" telah diadakan pada 20-21 Oktober 2014 di London, United Kingdom dan dihadiri oleh Encik Lau Ee Tiing dan Puan Khew Choy Yuen, pegawai penyelidik dari Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) MPB. Persidangan ini meneliti perkembangan terkini aplikasi kedua-dua teknologi dPCR dan qPCR dalam kajian di pelbagai bidang seperti onkologi, penyakit berjangkit, vaksin, diagnosis pranatal, aplikasi diagnostik & klinikal, mikrobiologi, mikrobiologi makanan, genomik tumbuhan dan aplikasi-aplikasi yang lain. Objektif penyertaan Bahagian R&D MPB dalam kongres ini adalah untuk mendedahkan diri kepada pembangunan teknologi baru dan mencepatkan pembangunan varieti lada yang berpotensi tinggi.

Selain itu, juga mengambil peluang keemasan untuk berkongsi pendapat bersama pakar-pakar dari seluruh dunia bagi mempercepatkan kajian penyelidikan genetik lada di Malaysia. Kongres "2nd qPCR 2 & Digital PCR" yang dianjurkan oleh Global Engage merupakan platform untuk menemukan para saintis dari seluruh dunia untuk membincangkan perkembangan dan teknologi baru atas penggunaan qPCR dan dPCR bagi tujuan penyelidikan.



Puan Khew Choy Yuen dan Encik Lau Ee Tiing menghadiri persidangan "2nd qPCR & dPCR".

Kongres ini berkait rapat dengan kajian penyelidikan genetik lada terkini di Malaysia dan memberi idea baru dalam penggunaan teknologi baru untuk penyelidikan lada. Misalnya, penggunaan qPCR dalam kajian menganalisis zygosity merupakan pendekatan inovatif kepada pembiakbakaan tanaman dan penghasilan varieti tumbuhan baru yang mempunyai ciri-ciri unggul.

Pada masa kini, pangkalan data genetik lada yang ditubuhkan di MPB terdiri daripada 81,018 transkrip dan masih dalam proses peningkatan kapasiti terutamanya pada transkrip-transkrip yang penting untuk pertahanan penyakit dan berhasil tinggi. Peralatan genomik seperti qPCR dan dPCR untuk kuantifikasi gen berupaya memberi isyarat petunjuk dalam pemeriksaan ciri-ciri genomik yang berpotensi untuk pembangunan penanda molekul.

Maka, pembangunan varieti tanaman baru yang bernilai tinggi dapat dipercepatkan dengan mengaplikasikan penanda molekul yang baik dalam pembiakbakaan tanaman. Kesimpulannya, kongres ini telah membantu dalam pengenalan pembangunan qPCR dan dPCR terutamanya dalam kajian pembiakbakaan molekul untuk menghasilkan varieti tumbuhan yang berpotensi tinggi dan mampu mengeluarkan hasil yang banyak serta mempunyai rintangan terhadap penyakit.

Selain itu, qPCR dan dPCR juga memudahkan proses memahami mekanisme pertumbuhan pokok seperti bunga dan buah, penghasilan metabolit sekunder, sistem pertahanan serta makanisme yang lain. Dalam kajian baru-baru ini yang menggunakan teknologi qPCR dan dPCR, dijangkakan akan mempercepatkan pembangunan kajian genetik lada dan membantu dalam memahami mekanisme pertumbuhan pokok lada. Penemuan baru ini akan diaplikasikan dalam penambahbaikan varieti lada pada masa depan demi pembangunan industri lada yang mampan.



Puan Khew Choy Yuen mengadakan perbincangan bersama Profesor Stephen Bustin dari UK.

SEKALUNG BUDI, SEGUNUNG INTAN, SELAUT KASIH KAMI TETAP SAYANGKAN ANDA!

Oleh : Valarie Loly

Seramai 3 orang pegawai dan kakitangan MPB telah bersara wajib dan pilihan mulai 01 Januari 2015. Antara yang bersara ialah Encik Alexander Lai; Pembantu Ehwal Ekonomi Gred E22, Encik Philip Kon Siong Nyet; Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E38 dan Haji Man bin Yas; Pembantu Awam Gred H11.

Sudah menjadi adat dan lumrah alam, yang baru menjadi lama, yang datang akan pergi dan yang hilang akan berganti. Begitulah juga dengan alam pekerjaan dan perkhidmatan. Ada di kalangan pesara ini telah berkhidmat di MPB lebih daripada 35 tahun dan ada yang mencecah 40 tahun. Sesungguhnya mereka mempunyai pelbagai pengalaman di kedudukan masing-masing.

| Nama Kakitangan | Jawantan Dan Gred | Penempatan | Tarikh Bersara |
|---|--------------------------|---|---|
|  | Alexander Lai | Pembantu Ehwal Ekonomi Gred E22 | Bahagian Ekonomi, Pemasaran dan Perhubungan 01.01.2015 <i>(Bersara Pilihan)</i> |
|  | Philip Kon Siong Nyet | Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E38 | Bahagian Perdagangan 06.01.2015 <i>(Bersara Wajib)</i> |
|  | Haji Man Bin Yas | Pembantu Awam Gred H11 | Bahagian Perkhidmatan Perkilangan 28.01.2015 <i>(Bersara Wajib)</i> |

ISU-ISU MAJLIS BERSAMA JABATAN

| Bil. | Isu Utama | Justifikasi Pelaksanaan | Keputusan |
|-------------|---|---|--|
| 1. | Bayaran Kemudahan Tambah Nilai Telefon Bimbit | Kemudahan ini diberi kepada pegawai yang menyandang jawatan Ketua Pejabat Cawangan dan pegawai yang bertugas di Cawangan Pentadbiran Am yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal keselamatan dan logistik jabatan. | Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan bil. 2/2014 yang bermesyuarat pada 17 Disember 2014 telah memutuskan untuk meluluskan pemberian kemudahan tambah nilai telefon bimbit dengan jumlah RM 30.00 sebulan kepada pegawai-pegawai tersebut. |